



# Lelaki gay mahu berubah

## Naluri songsang bermula sewaktu berusia 12 tahun

### Soalan

**S**AYA lelaki yang berperwatakan lembut dan mempunyai kekasih gelap. Naluri songsang itu bermula sewaktu berumur 12 tahun.

Abang saudara saya mengajar bagaimana melakukan hubungan sejenis.

Pada mulanya saya agak takut tetapi lama kelamaan perbuatan itu saya lakukan hampir setiap hari.

Pelbagai cara dan aksi saya lakukan.

Lama kelamaan, saya sedar apa yang dilakukan dan cuba mengelak perhubungan

songsang itu tetapi gagal. Tolonglah saya.

**INGIN BERUBAH, Petaling Jaya**

### Jawapan

**D**R tidak pasti apa yang adik inginkan sama ada mahu meneruskan kehidupan sebagai seorang gay atau menghentikan hubungan seksual songsang itu. Adik hanya menjelaskan pelbagai cara sudah dilakukan untuk menghentikan perbuatan hubungan seks sesama jenis, namun tetap gagal. Adik juga menceritakan ciri

perwatakan yang agak lembut dan sejarah terbabit dengan hubungan sesama jenis. Adik sendiri mengatakan hati tetap tidak berubah untuk terus melakukan hubungan sejenis. Ini membuatkan saya tertanya-tanya apa sebenarnya persoalan diri adik.

Namun, Dr andaikan adik mempunyai keinginan untuk berubah dengan menceritakan kisah hidup adik. Faktor persekitaran membuatkan adik terjebak sebagai seorang lelaki yang menyukai lelaki. Dr faham bukan mudah meninggalkan tabiat seks luar tabii ini kerana sudah teralalu lama mendapat keseronokannya.

Dr melihat permasalahan adik dari beberapa sudut. Pertama, jika adik ingin keluar daripada kehidupan seorang

homoseksual, ia memerlukan perubahan dari segi pemikiran, gaya hidup, sikap dan keinginan seksual. Keinginan dan semangat yang kuat juga amat penting untuk berubah.

Pelbagai cara dan usaha adik lakukan tidak akan berhasil jika ruang lingkup hidup terus dikelilingi perkara yang boleh meneruskan perkara terkutuk ini.

Jika bertekad untuk mengubah diri, adik perlu mendapat rawatan, mendekati diri dengan Allah di samping mendapatkan khidmat kaunselor. Ada rawatan yang boleh mengurangkan ketagihan seks. Isunya ialah

sama ada adik ingin berubah dan mendapatkan rawatan berkenaan atau tidak.

Dari sudut agama, adik sendiri sedar dan tahu perbuatan itu tidak diterima mana-mana agama pun. Perbuatan ini bertentangan dengan sifat tabii manusia. Dalam Islam, banyak ayat al-Quran yang mengharuskan perbuatan seks sesama jenis.

Dari sudut kesihatan, hubungan seks sesama lelaki mempunyai risikonya. Contohnya, sindrom kurang daya tahan melawan penyakit atau Aids (Acquired Immune Deficiency Syndrome). Jika adik meneruskan aktiviti seks

sejenis, kemungkinan adik untuk tidak berkahwin adalah tinggi kerana minat terhadap wanita sudah tiada. Adalah sukar untuk membahagiakan pasangan dalam perkahwinan tanpa diiringi hubungan seks yang memuaskan.

Banyak kesan negatif jika adik meneruskan kehidupan gelap itu.

Walaupun diselubungi keseronokan seksual, kesan buruk lebih banyak. Adik perlu memikirkan perkara ini dan tidak hanya memikirkan elemen keseronokan. Dr harap adik dapat memilih kehidupan yang terbaik dan memilih jalan diredai.

### Soalan

**S**AYA gadis yang bakal berkahwin. Masalahnya, saya risau mengenai kehidupan berkahwin. Saya di Kuala Lumpur sementara bakal suami bekerja di Terengganu. Saya tersepit antara dua kehendak. Ibu bapa tidak pernah berpisah lama dengan saya. Mereka hendak bakal suami bekerja di KL dengan alasan kebanyakan keluarga kami termasuk ipar duai berasal dari KL.

Masalahnya, bakal suami ada masalah keluarga dan tidak boleh meninggalkan keluarganya memandangkan beliau anak sulung sementara dua adiknya sakit dan memerlukan perhatian. Bakal suami meminta saya berpindah dan bekerja di Terengganu.

**BUNTU, Kuala Lumpur**

### Jawapan

**M**EMILIH satu antara dua pihak yang kedua-duanya disayangi memang membeleggu diri. Masalah adik disebabkan permintaan tunang dan keluarga yang bertentangan. Adik pula, oleh kerana menyayangi kedua-duanya tidak dapat membuat keputusan yang tepat. Kalau boleh adik ingin memenuhi permintaan kedua-duanya, namun tidak mampu.

Tentu sekali seorang suami mengharap isterinya untuk berkongsi segala permasalahan dan sentiasa berada di sisinya. Harapan tunang; adik adalah satu per-

## Pilih tunang atau keluarga

mintaan yang memang sudah diduga. Apatah lagi, dengan kedudukannya sebagai anak pertama, tentu besar tanggungjawabnya sebagai anak dan abang yang baik.

Keluarga adik pula menghadapi sindrom kesukaran melepaskan anak di tangan orang lain, walaupun menantu sendiri. Lazimnya, apabila ibu bapa sudah bersetuju untuk mengahwinkan anak, mereka juga perlu membuat persediaan mental dan psikologi untuk melepaskan anak kepada tanggungjawab suami.

Jika ibu bapa ingin adik memenuhi keperluan mereka, ini bermakna sudah menidakkan hak suami adik. Kebimbangan mereka mudah difahami kerana menyayangi dan inginkan yang terbaik untuk adik. Harapan tinggi tunang dan keluarga ke atas adik ternyata membebankan. Kebiasaannya, bakal pengantin tidak sabar menunggu hari bahagia, malangnya bukan adik.

Adik perlu melihat apakah perkara paling penting yang diinginkan. Ambil masa untuk memikirkannya dan buat pilihan yang betul. Apabila sudah membuat pilihan, adik perlu bertanggungjawab atas pilihan ini. Bagaimanapun, ini tidak bermakna adik boleh mengambil sikap sambil lewa terhadap apa jua aspek.

Contohnya, jika memilih untuk tinggal bersama-sama dengan suami di Terengganu selepas berkahwin, adik perlu memikirkan cara terbaik untuk masih berhubung dengan keluarga dan menyayangi mereka sama seperti sebelum berkahwin. Adik dan tunang perlu meyakinkan ibu bapa bagaimana hubungan anak dengan ibu bapa tetap utuh walaupun berada jauh. Jarak tidak membatasi kasih sayang antara anak dengan ibu bapa.

Jika memilih sebaliknya iaitu tinggal dan bekerja di KL serta jauh dengan suami, sudah tentu akan memberi implikasi kepada hubungan baik suami isteri.

Seorang isteri yang baik pada kaca mata suami ialah sanggup bersusah payah mengharungi kehidupan rumah tangga. Tanggungjawab utama isteri ialah perlulah taat dan patuh kepada suaminya.

Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w: "Jika aku ini orang yang menyuruh setiap orang supaya sujud kepada orang lain tentu sekali aku akan menyuruh isteri sujud kepada suaminya." (Riwayat Abu Daud dan al-Hakim) Isteri hendaklah mematuhi perintah suami asalkan tidak bertentangan dengan ajaran Islam.